

Menggunakan Penyoalan Alternatif bagi Memperbaik Kemahiran Lisan Pelajar

Norashimah Abdul Rahim

norashimah_abdul_rahim@moe.edu.sg

Norhayati Jidin

norhayati_jidin@moe.edu.sg

Qurnyaningsy Ahmad Mokhtar

qurnyaningsy_ahmad_mokhtar@moe.edu.sg
Sekolah Menengah Evergreen

Abstrak

Para pelajar kurang mahir menyampaikan respons yang mendalam dan relevan dalam bahasa Melayu berdasarkan klip video yang mereka tonton. Untuk meningkatkan keupayaan pelajar memberikan respons yang mendalam dan relevan, sebuah pakej pembelajaran lisan disediakan. Pakej ini disediakan berdasarkan kaedah penyoalan alternatif oleh John Dewey, (1938) "*Logic – The Theory of Inquiry*". Teknik P3S+- atau pemerhatian, perasaan, pendapat, kebaikan, keburukan dan saranan dihasilkan berdasarkan prinsip-prinsip yang terdapat dalam kaedah tersebut. Kajian ini dijalankan bagi 18 pelajar menengah tiga ekspres dan tidak mempunyai kumpulan kawalan. Melalui pakej pembelajaran lisan ini diharapkan para pelajar menyampaikan idea mereka secara sistematik, berkaitan dengan klip video dan dapat berbual tanpa dirangsang. Kesimpulannya, pakej ini dapat melibatkan para pelajar secara aktif untuk memberikan respons yang bernas.

Kata Kunci: *logic – the theory of inquiry*, teknik P3S+-, klip video



PENGENALAN

Ketika menjalankan ujian lisan pada pertengahan tahun 2014, ramai guru mendapati bahawa para pelajar hanya menceritakan tentang apa yang dilihat dalam klip video tanpa membincangkan isu yang dipaparkan dalam klip video. Para guru berpendapat demi menggalakkan pemikiran kritis, para pelajar perlu mempunyai kemahiran asas dalam teknik penyoalan agar mereka dapat memikirkan lebih mendalam tentang sesuatu tema yang dibualkan berdasarkan klip video tersebut.

PERNYATAAN MASALAH

Keadaan pelajar yang hanya mampu menceritakan tentang hal-hal permukaan yang ditonton dalam klip video tanpa membincangkan isu yang dipaparkan dalam klip video merupakan permasalahan kajian ini. Para guru berpendapat adalah penting untuk membina pemikiran kritis para pelajar bagi membolehkan mereka menguasai teknik penyoalan semasa menonton klip video agar mereka dapat memikirkan lebih mendalam tentang sesuatu tema yang dipaparkan melalui video tersebut. Lantas, membolehkan mereka berbual tentang kandungan klip video tersebut dengan lebih meyakinkan tanpa soalan-soalan lanjutan sebagai rangsangan daripada pemeriksa.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah seperti yang berikut:

1. Untuk membantu para pelajar menyampaikan respons yang mendalam berdasarkan klip video;
2. Untuk membantu para pelajar berfikir secara sistematik berdasarkan P3S+- atau 'pemerhatian, perasaan, pendapat, kebaikan, keburukan dan saranan'; dan
3. Untuk menilai keberkesanan P3S+- terhadap pemikiran pelajar menyampaikan idea yang relevan berdasarkan klip video.



KAJIAN LEPAS

Menurut John Dewey (1938) *“The Pattern of Inquiry” from Logic: Theory of Inquiry*, seseorang itu perlu mempersoalkan satu situasi atau isu utama berdasarkan pemerhatian. Pemerhatian ini merupakan aktiviti yang bergantung pada pertimbangan yang rasional dan logik berdasarkan kaedah deduktif dan inferens. Untuk melengkapkan para pelajar dengan kemahiran ini, mereka terlebih dahulu diperkenalkan kepada konsep penyoalan alternatif. Konsep ini merupakan kombinasi daripada *Theory of Inquiry* dan Kaedah Socratic. Berdasarkan buku panduan Fran Peavey (2012) yang bertajuk *‘Strategic Questioning’*, beliau telah mengenal pasti dua kategori yang akan membuahkan pemikiran dan penyoalan strategik. Beliau menjelaskan Penyoalan Berdasarkan Konteks dan juga Penyoalan Strategik. Bagi Penyoalan Berdasarkan Konteks, ada jenis jenis penyoalan yang diberi pertimbangan:

Jadual 1: Penyoalan Berdasarkan Konteks

Jenis Soalan	Contoh
Soalan Bertumpu (<i>Focus Questions</i>)	<ul style="list-style-type: none">• Mengenal pasti situasi dan faktor kunci untuk memahami keadaan.• ‘Apakah keprihatinan kamu tentang...’ (jalan raya, pusat makanan, kerja kemasyarakatan dll.)• Soalan ini secara langsung meminta jawapan berdasarkan kehendak soalan.
Soalan Berdasarkan Pemerhatian (<i>Observation Questions</i>)	<ul style="list-style-type: none">• Jenis soalan yang menggalakkan pemberi respons memberikan pemerhatian yang lebih mendalam mengenai sesuatu perkara.• ‘Apa yang kamu lihat?’• ‘Mengapa?’ (pemberi respons akan mengaitkan dengan pengetahuan sedia ada mereka berdasarkan pembacaan, tontonan dll.)• Soalan jenis ini menggalakkan pemberi respons



	memberi peluang untuk meneliti idea, pemikiran dan sumber pengaruh yang membentuk sesuatu pendapat.
Soalan Berdasarkan Perasaan (<i>Feeling Questions</i>)	<ul style="list-style-type: none"> • Soalan yang mengajak pemberi respons berkongsi bagaimana sesuatu perkara boleh menjejaskan keadaan sesuatu tempat, kehidupan, emosi dan kesihatan jasmani mereka. • 'Bagaimanakah perasaan kamu apabila...?', 'Bagaimana perkara ini telah menjejaskan ...' • Soalan jenis ini memberi ruang untuk pemberi respons meletakkan diri dalam kedudukan tertentu dan membuat renungan atau muhasabah diri.

Bagi Penyoalan Strategik, ada tiga jenis penyoalan yang relevan untuk kajian ini:

Jadual 2: Penyoalan Strategik

Jenis Soalan	Contoh
Soalan Berdasarkan Gambaran/Wawasan (<i>Visioning Questions</i>)	<ul style="list-style-type: none"> • Mengenal pasti perkara yang ideal, keinginan dan nilai • 'Bagaimana perkara ini harus dilaksanakan...?', 'Apakah keprihatinan kamu tentang...' • Soalan jenis ini membuat pemberi respons menilai sesuatu perkara dengan merenung jauh ke masa hadapan.
Soalan Meminta Perubahan (<i>Change Questions</i>)	<ul style="list-style-type: none"> • Soalan yang membawa perubahan kepada kedudukan perkara yang statik ke tempat yang lebih ideal. • 'Apakah yang ingin kamu ubah mengenai situasi ini?' • Apabila sesuatu perkara itu statik, soalan sebegini meminta pemberi respons untuk



	berfikir dan mempersoalkan perkara yang akan mengakibatkan perubahan.
Soalan Mempertimbang Alternatif (<i>Considering Alternatives</i>)	<ul style="list-style-type: none"> • Soalan yang membenarkan seseorang berimajinasi dan mengenal pasti lebih daripada dua alternatif. • Berikan cara-cara lain untuk menyelesaikan masalah ini. Apakah kelebihan dan kekurangan alternatif tersebut? • Soalan yang memberi peluang untuk pemberi respons menilai setiap alternatif dari pelbagai perspektif.

Selain daripada itu, laman Teacher's Tool ada berkongsi beberapa teknik Penyoalan Alternatif.

Jadual 3: Penyoalan Alternatif

Jenis Soalan	Contoh
Jangkaan	<ul style="list-style-type: none"> • Apakah yang akan saya lakukan jika perkara ini terjadi?
Saranan	<ul style="list-style-type: none"> • Jika saya melakukan... Apakah yang akan berlaku? (apa yang kita sudah buat, jalankan dan kesan)
Muhasabah Berkenaan Topik	<ul style="list-style-type: none"> • Jika saya menangani perkara ini dengan ... kesannya mungkin.... • Cuba renungkan...
Penegasan	<ul style="list-style-type: none"> • Saya amat kerana... • Saya suka dengan...kerana
Penekanan	<ul style="list-style-type: none"> • Kita boleh melihat perkara ini dari ... • Apakah yang diketengahkan...?



Teknik Penyoalan Alternatif yang dikongsi sebenarnya boleh digunakan dengan Taksonomi Bloom dan juga teknik-teknik penyoalan yang lain. Namun fungsi utama Penyoalan Alternatif adalah untuk memberi ruang kepada pemberi respons menilai, berfikir dan menganalisis sesuatu perkara dari perspektif yang berbeza.

Berdasarkan kajian yang telah diutarakan oleh para pengkaji, kajian ini menggunakan teori Dewey sebagai tunggak yang meliputi Penyoalan Socratic dan Penyoalan Alternatif. Lantas, para guru telah memperkenalkan Teknik P3S+- atau 'pemerhatian, perasaan, pendapat, kebaikan, keburukan dan saranan' bagi membantu para pelajar melahirkan pendapat yang mendalam dan bernas berdasarkan klip video.

KAEDAH KAJIAN

Subjek kajian ialah 18 pelajar Menengah 3 aliran ekspres Keupayaan para pelajar ini agak rencam walaupun mereka dalam aliran yang sama. Kajian tindakan ini tidak mempunyai kumpulan kawalan.

Prosedur Kajian

Satu ujian lisan diagnostik telah dijalankan untuk mengukur kebolehan pelajar dalam penyampaian lisan.

Pada tahap pertama, guru menunjukkan klip video. Berdasarkan klip video itu, guru memilih tiga gambar. Gambar-gambar ini dipilih kerana gambar-gambar ini dijangka dapat membantu para pelajar menceritakan tentang klip video tersebut. Tujuan langkah ini diambil adalah untuk membantu para pelajar mengenal pasti segmen-segmen penting dalam klip video agar mereka dapat menceritakan secara menyeluruh tentang kandungan klip video itu. Guru dan para pelajar berbincang dan menyenaraikan kosa kata dan frasa-frasa yang sesuai dengan gambar-gambar tersebut. Aktiviti ini dapat membantu memperkaya kosa kata para pelajar dan memudahkan penyampaian mereka. Setelah itu, guru memperkenalkan teknik P3S+- kepada para pelajar (Lampiran 1). Tujuan teknik ini diperkenalkan adalah untuk membantu para pelajar memikirkan soalan-soalan yang membolehkan mereka mengupas



dan menghuraikan isu yang dipaparkan melalui klip video. Selain daripada melakarkan secara bertulis, para pelajar juga boleh menggunakan perisian Mindomo untuk menyelesaikan peta minda. Kebaikan menggunakan Mindomo ialah para pelajar dapat menyelesaikan tugas di rumah dan menggalakkan pembelajaran sendiri. Guru dapat memberikan maklum balas dan memantau tugas para pelajar dalam talian.

Pada tahap kedua, guru memuatnaikkan klip video dalam Mindomo dan memberi tugas kepada pelajar untuk menyelesaikan peta minda di dalam talian. Guru juga memberikan lembaran kerja agar para pelajar menyenaraikan kosa kata yang sesuai berdasarkan gambar. Ini sebagai latihan pengukuhan agar pelajar mempunyai kosa kata yang sesuai dan dapat mencungkil serta mengupas isi-isi penting.

Pada tahap ketiga, guru menunjukkan klip video melalui Mindomo. Para pelajar cuba menjawab soalan-soalan lisan berdasarkan teknik P3S+. Para pelajar perlu membuat penyaringan tentang kesesuaian penggunaan bahagian-bahagian P3S+- untuk menjawab soalan-soalan yang diberi dengan cemerlang.

Pada tahap terakhir, pelajar mengaplikasikan teknik P3S+- semasa peperiksaan lisan pertengahan tahun.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kajian diagnostik menunjukkan bahawa para pelajar tidak dapat memikirkan lebih mendalam tentang sesuatu tema yang sedang diperbualkan.

Dapatan kajian terbahagi kepada dua bahagian iaitu dapatan kajian berdasarkan AFL bagi para pelajar dan AFL oleh para guru untuk para pelajar. Untuk memantau perkembangan para pelajar, guru membezakan dapatan daripada prakajian dengan pascakajian.

Guru-Guru membandingkan markah diagnostik dengan markah lisan peperiksaan pertengahan tahun.




Berdasarkan data daripada borang AFL yang diberi sewaktu prakajian, ada peningkatan yang pelajar kenal pasti khususnya dari segi Sebutan dan Penyampaian, Strategi Komunikasi, Kosa Kata dan Tatabahasa, dan Lakaran Idea dan penyampaian.

ANALISIS DAPATAN KAJIAN

Secara purata, dapatan menunjukkan peningkatan dari segi pengembangan idea, respons peribadi, bahasa dan kelancaran (Rujuk Rajah 1). Komponen pengembangan idea menunjukkan peningkatan yang paling ketara. Dapatan ini menunjukkan terdapat peningkatan dari segi keupayaan para pelajar memberikan respons yang mendalam dan relevan..

Rajah 1: Markah yang Dikumpulkan bagi Pra dan Pascaujian



PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan teknik P3S+-, para pelajar dapat menjana idea bagi memulakan penyampaian lisan mereka. Oleh kerana teknik ini memudahkan para pelajar untuk memulakan penyampaian lisan dan membincangkan sesuatu isu dari segi pemerhatian, pengalaman peribadi, kebaikan dan keburukan sesuatu perkara



dan saranan-saranan yang boleh diusulkan, para pelajar lebih yakin untuk menyampaikan idea mereka. Sungguhpun begitu, peningkatan komponen bahasa agak sedikit jika dibandingkan dengan komponen-komponen lain kerana bantuan kosa kata hanya diberikan semasa latihan 1 dan 2.

Dapatan kajian daripada borang AFL yang digunakan oleh para pelajar pula menunjukkan bahawa para pelajar lebih yakin untuk menyampaikan idea yang relevan, Rujuk Jadual 2. Bagi komponen strategi komunikasi dan lakaran idea, setiap kriteria menunjukkan peningkatan yang konsisten. Teknik P3S+- telah membantu para pelajar meluaskan idea dengan lebih mendalam dan relevan. Para pelajar juga dapat memastikan isi-isi yang disampaikan terangkum dalam teknik P3S+-. Bagi komponen strategi kosa kata dan tatabahasa, para pelajar berasakan tiada peningkatan yang signifikan kerana mereka masih memerlukan bantuan kosa kata untuk menyampaikan idea mereka dengan lancar. Disebabkan penguasaan kosa kata yang tidak kuat, para pelajar berasa kurang yakin untuk memberikan respons yang gramatis.



Jadual 4: Borang Maklum Balas Kefahaman Lisan Menggunakan Klip Video

Kriteria penilaian berasaskan pelajar		Prakajian (18 pelajar)				Pos-Pascakajian (18 pelajar)			
		Tidak Pernah	Beberapa kali	Kebanyakan masa	Hampir Setiap Masa	Tidak Pernah	Beberapa kali	Kebanyakan masa	Hampir Setiap Masa
Strategi Komunikasi	1. Pelajar menggambarkan, menceritakan perkara yang berkaitan dengan diri sendiri atau sesuatu hal.	0	10	8	0	0	8	6	4
	2. Pelajar menerangkan, mengembangkan dan memberikan penerangan lanjut.	1	12	4	1	0	9	8	1
	3. Pelajar menyampaikan dan menyokong pendapat.	0	11	6	1	0	10	6	2

Borang Penilaian Perbuatan (individu)

Nama Pelajar: _____ () _____ Guru (Pemeriksa): _____

Tandakan (✓) di dalam kurungan yang menggambarkan penyampaian pelajar dan berikan maklum balas di tempat yang disediakan.

Kriteria penilaian beraskan pelajar	Prakajian (18 pelajar)				Pos-Pascakajian (18 pelajar)			
	Tidak Pernah	Beberapa kali	Kebanyakan masa	Hampir Setiap Masa	Tidak Pernah	Beberapa kali	Kebanyakan masa	Hampir Setiap Masa
Kata dan tabaha sa semasa penyamp	0	9	8	1	0	10	6	2
4. Pelajar menggunakan kata-kata yang sesuai untuk menyampaikan hujah .								
5. Bahasa yang digunakan gramatis.	2	10	6	0	1	7	8	2
6. Jika berlaku kesilapan, pelajar dapat membaikinya.	0	6	11	1	0	5	10	3
7. Pelajar dapat berbual tanpa bantuan.	1	12	4	1	0	11	5	2
8. Idea yang disampaikan relevan.	0	7	11	0	0	6	9	3
9. Idea terancang dan bertautan.	0	10	7	1	0	9	7	0
Lakaran idea dan penyampalan								



KESIMPULAN

Dengan menggunakan lembaran kosa kata, rubrik AFL bagi pelajar dan guru, Mindomo dan teknik P3S+-, pelajar dapat memberikan respons yang lebih mendalam dan relevan berbanding dengan situasi prakajian. Komponen-komponen ini membantu para pelajar memperkaya kosa kata agar mereka dapat menyampaikan idea mereka dalam bahasa Melayu dengan lebih berkesan. Teknik P3S+- pula menjadi panduan kepada para pelajar untuk menjana soalan-soalan relevan sebelum membuat penyampaian lisan. Teknik ini juga menjadi rangka yang membolehkan para pelajar menyampaikan idea mereka. Bagi para guru pula, lembaran kosa kata di Mindomo memudahkan para guru untuk memantau tugas para pelajar, memberi maklum balas dalam talian serta membantu memperkaya kosa kata para pelajar.

Kajian ini juga menghadapi beberapa masalah yang boleh diatasi bagi memperbaiki proses pembelajaran dan pengajaran. Dari segi kosa kata, para pelajar perlukan bantuan bagi memudahkan mereka untuk menyampaikan idea. Oleh itu, para guru mencadangkan agar buku bank kosa kata berdasarkan tema boleh diusahakan. Selain daripada itu, kajian ini juga menghadapi masalah teknikal seperti fon kepala yang rosak dan masalah tidak dapat merakamkan suara disebabkan perisian.

Kesimpulannya, teknik P3S+- membantu para pelajar menjadi penutur yang efektif. Mereka berjaya memberikan respon yang relevan dan mendalam.



RUJUKAN

John Dewey (1938). LOGIC THE THEORY OF INQUIRY. New York. Hendry Holt and Company, Inc. Copyrights January 1939.

SUMBER DARI INTERNET

9:Questioning Skills. Retrieved from http://teachertools.londongt.org/en-GB/resources/Questioning_launch_pad.pdf on the 31st October 2014.

Basic of Mind / Concept Mapping. Retrieved from <http://www.studygs.net/mapping/> on the 17th January 2015.

Mind Mapping. Retrieved from <http://www.mindmapping.com/mind-map.php> on the 13th January 2015.

Mind Map. Retrieved from http://en.wikipedia.org/wiki/Mind_map on the 11th January 2015.

Module 4 Questioning. Retrieved from http://teachertools.londongt.org/en-GB/resources/Ks3_module_questioning.pdf on the 26th October 2014.

Fran Preavy in Sharon Ede (May 21st 2012). 'Strategic Questioning -Asking Questions That Make A Difference.' Retrieved from <http://www.cruxcatalyst.com/2012/05/21/strategic-questioning/> on 22nd October 2014.

'The Definition of Mind Mapping.' Retrieved from <http://www.mind-mapping.co.uk/mind-mapping-definition.htm> on the 11th January 2015.

Tony Buzan: Inventor of Mind Mapping. Retrieved from <http://www.tonybuzan.com/about/mind-mapping/> on the 16th January 2015.

The Pattern of Inquiry from Logic : Theory of Inquiry. Retrieved from https://archive.org/stream/JohnDeweyLogicTheTheoryOfInquiry/%5BJohn_Dewey%5D_Logic_-_The_Theory_of_Inquiry#page/n519/mode/2up on the 21st January 2015



Lampiran 1

Sekolah Menengah Evergreen
Peta Minda Bertema / Soalan Alternatif
P3S+-

